

0950

U B885 AAB

MAHATHIR - TAMIL

(I)

KUALA LUMPUR, 15 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA PARA SEJARAWAN SUPAYA JANGAN SEKADAR MENCATATKAN KEJADIAN-KEJADIAN MASA LAMPAU MALAHAN HENDAKLAH MENGHURAIKAN DENGAN JELAS KEJAYAAN YANG DICAPAI ITU SEBAGAI GARIS PANDUAN MASA KINI DAN MASA DEPAN.

PERDANA MENTERI BERKATA PARA SEJARAWAN DAN AHLI KAJIPURBA PERLU MENGHURAIKAN PENGGUNAAN BAHASA, KARYA-KARYA, AGAMA DAN KESENIAN YANG SESUAI UNTUK SEMUA ZAMAN.

TAFSIRAN NILAI-NILAI MANUSIA, ETHIK DAN FALSAFAH MASA LAMPAU BUKAN SAHAJA MENJADI GARIS PANDUAN UNTUK MASA DEPAN MALAHAN SEBAGAI BENTENG TERHADAP BAHAYA BERLAKUNYA CIRI-CIRI KERENGGANGAN HUBUNGAN SESAMA MANUSIA, KATANYA SEMASA MERASHIKAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA PENYELIDIKAN TAMIL YANG KEENAM DI SINI.

KIRA-KIRA 3,000 ORANG MENGHADIRI PERSIDANGAN ITU DI DEWAN MERDEKA DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA MANAKALA 2,000 ORANG LAGI MENYAKSIKAN UPACARA PERASMIAN PERSIDANGAN ITU MELALUI SIARAN TELEVISYEN LITAR PENDEK DI LUAR DEWAN ITU.

PARA WAKIL DARI 14 NEGARA MENGHADIRI PERSIDANGAN SELAMA LIMA HARI ITU ANJURAN PERSATUAN PENYELIDIKAN TAMIL ANTARABANGSA (IATR) DAN JABATAN PENGAJIAN TAMIL UNIVERSITI MALAYA. -- LAGI
1608MST 15 11 87

4724

U B886 AAB

MAHATHIR - TAMIL 2 KUALA LUMPUR

(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BIDANG PENGAJIAN TAMIL MERUPAKAN SATU BIDANG YANG LUAS DAN MEMBABITKAN PELBAGAI DISIPLIN SEPERTI LINGUISTIK, PERSURATAN, SEJARAH, KAJIPURBA, ANTHROPOLOGI, SOSIOLOGI DAN SAINS.

BELIAU BERKATA BAHASA TAMIL YANG MEMPUNYAI SEJARAH YANG PANJANG LEBAR TELAH DIIKTIRAF OLEH PARA CENDEKIAWAN SEBAGAI SALAH SATU BAHASA DUNIA YANG PENUH IRAMA.

SEBELUM ITU, MENTERI KERJA RAYA, DATUK S.SAMY VELLU, YANG JUGA Pengerusi IATR, BERKATA PERSIDANGAN ITU TELAH MENGUMPULKAN PARA CENDEKIAWAN DALAM PELBAGAI BIDANG PENGAJIAN TAMIL UNTUK MEMBINCANGKAN KEPUTUSAN KAJIAN MEREKA YANG TERBARU MENGENAI PELBAGAI ASPEK KEBUDAYAAN TAMIL.

BELIAU JUGA BERKATA BAHAWA PERSIDANAGAN ITU AKAN MENILAI PERANAN PERKEMBANGAN BAHASA TAMIL ZAMAN DUNIA MODEN INI. -- BERNAMA
1611MST 15 11 87